

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 14 APRIL 2016

KERATAN AKHBAR

Aktiviti pasang ambai makin rancak

Pihak tertentu kaut untung berlipat ganda, nelayan berdepan kemerosotan hasil tangkapan

SIJANGKANG - Nelayan di Kuala Langat di sini, terpaksa berdepan kemerosotan hasil tangkapan disebabkan tindakan individu tertentu memasang ambai atau pukat harimau di sepanjang laluan laut dari Batu 8, Sijangkang ke Pulau Indah, Klang.

Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, nelayan mengadu terdapat beberapa kawasan dipasang ambai sedangkan aktiviti itu difahamkan tidak dibenarkan Jabatan Perikanan.

Menurutnya, aktiviti itu diharamkan kerana ia mengganggu punca pendapatan nelayan lain selain menghalang laluan pengangkutan laut.

"Saya bersama nelayan dah tinjau kawasan yang dimaksudkan dan ternyata aktiviti itu semakin rancak. Ada lebih lima lokasi yang



"Saya bersama nelayan dah tinjau kawasan yang dimaksudkan dan ternyata aktiviti itu semakin rancak. Ada lebih lima lokasi yang dipasang ambai."
- Sulaiman

dipasang ambai.

"Mereka pacak kayu untuk gantung jaring tangkap ikan dan ambai ni dipasang



Pemasangan ambai menyebabkan hasil tangkapan nelayan merosot.

sebagai cara mudah nak tangkap ikan dengan cepat," katanya kepada *Sinar Harian* ketika melakukan tinjauan, kelmarin.

Beliau berkata, nelayan memaklumkan kayu yang dipacak sedalam 20 meter dan ia memerlukan modal yang besar.

"Aktiviti macam ni memang tak adil untuk nelayan lain.. apa tidaknya, nelayan lain jadi mangsa, pendapatan mereka terjejas disebabkan

ada orang yang tak ikut peraturan.

"Pihak berwajib kena turun padang tengok keadaan ni. Nelayan kata dah lama sangat jadi, ada lima hingga enam tahun dah, dan tahun lepas makin rancak.

"Kita bukan nak sekat perriuk nasi orang pasang ambai tu, tapi kalau dah mereka sendiri sekat perriuk nasi nelayan lain, macam mana pula... mereka untung berlipat ganda, nelayan lain rugi," katanya.

Sinar Harian dimaklumkan, individu yang memasang ambai tersebut menyasarkan hasil tangkapan seperti udang dan ikan besar manakala hidupan lain akan tibuang.

Bagaimanapun, nelayan sekitar berharap, sekiranya aktiviti itu dibenarkan mereka perlu dimaklumkan mengenainya dan jika diharamkan, tindakan segera perlu diambil.